

# KEJOHANAN TENPIN BOWLING PIALA REKTOR UiTM CPP

DISEDIAKAN OLEH: SUHAIZA HASAN & NOR AIMI ABDUL WAHAB

Jabatan Sains Gunaan (JSG) dan Jabatan Sains Komputer & Matematik (JSKM) telah bergabung membentuk dua pasukan bagi menyertai Kejohanan Tenpin Bowling Piala Rektor Antara Bahagian /Fakulti UiTM Cawangan Pulau Pinang. Kejohanan ini telah berlangsung pada 24 September 2020 di Mega Bowling Center, Megamall, Pulau Pinang yang dianjurkan oleh Persatuan Sukan & Kebajikan Kakitangan (PSKK) UiTM Cawangan Pulau Pinang. Sambutan penyertaan bagi edisi kali ini amat menggalakkan dan telah melibatkan penglibatan kesemua bahagian dan fakulti. Alhamdulillah, pada kejohanan kali ini, Team A JSG/JSKM telah berjaya merangkul Tempat Ketiga bagi kategori TRIO Wanita dengan jatuhan pin sebanyak 1082. Juara keseluruhan bagi kejohanan kali ini adalah Fakulti Kejuruteraan Awam (FKA). Tahniah diucapkan!

